

# SAPP boleh kemuka cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri

KUALA LUMPUR 7 Mei —

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Parti Maju Sabah (SAPP) boleh mengemukakan cadangannya kepada Barisan Nasional (BN) berhubung penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diamanahkan di negeri itu sekarang.

Perdana Menteri berkata, BN dan kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan tersebut termasuk jika SAPP mahukan hanya satu orang sahaja dikekalkan bagi jawatan tersebut.

“Kalau dia orang setuju nak kaji, dia boleh kajilah. Kalau dia nak supaya dikekalkan kepada mana-mana pihak, itu terpulang kepada mereka membuat cadangan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Muktamar Ketua Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN diminta mengulas mengenai kenyataan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee yang meminta BN membuat keputusan sama

ada sistem penggiliran itu perlu diteruskan, diubahsuai atau ditukar.

SAPP mencadangkan supaya formula perkongsian kuasa yang baru dengan mengambil contoh amalan di Sarawak dijadikan pilihan dan dibincangkan dengan lapan parti komponen BN di Sabah.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diperkenalkan apabila BN mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri pada bulan Mac 1994.

Menerusi sistem itu, pemimpin-pemimpin masyarakat bumiputera Islam, Cina dan bumiputera bukan Islam akan dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir-gilir untuk setiap dua tahun.

Dr. Mahathir berkata, walaupun sistem itu masih dikekalkan, tetapi ia telah mengalami sedikit pengubahsuaian berikutan pengaruh UMNO yang begitu besar dalam politik Sabah.

“Kita sudah ubah suai yang itu (sistem penggiliran) memandang UMNO begitu besar dan begitu berperanan, walaupun kita ada giliran, ia tidak seperti dahulu,” katanya.